

Surat khabar: Berita Harian (Varsiti)

Hari/Tarikh: 4/8/2016

Muka surat: 14

Tajuk : Ngabang Raya UNIMAS eratkan silaturahmi

Ngabang Raya UNIMAS eratkan silaturahmi

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengadakan Majlis Ngabang Raya UNIMAS 2016 bertema 'Lan Berjarah' yang menampilkan aneka sajian terkenal negeri ini.

Majlis bertujuan meraikan sambutan Aidilfitri dan Hari Gawai Dayak itu menyaksikan 15 kediaman UNIMAS bukan sahaja dihias indah oleh pihak fakulti serta Pusat Tanggungjawab (PTj), bahkan menjamu tetamu dengan sajian istimewa bahagian di Sarawak.

Yang di-Pertua Negeri merangkap Canselor UNIMAS, Tun Abdul Taib Mahmud, hadir bersama-sama isteri Toh Puan Raghad Kurdi Taib selaku tetamu kehormat.

Yang turut menyerikan majlis ialah Pro-Canselor UNIMAS, Tan Sri Alfred

info

Majlis Ngabang Raya UNIMAS 2016

→ Bertema 'Lan Berjarah'.
→ 15 kediaman UNIMAS
menghidangkan sajian
istimewa bahagian
di Sarawak.

Jabu; Pengerusi Lembaga Pengarah, Datu Dr Hatta Solhi; dan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi; dengan isteri masing-masing.

Lupakan perselisihan

Prof Mohamad Kadim dalam ucapannya berharap seluruh warga

UNIMAS mengambil kesempatan itu untuk mengeratkan silaturahmi tanpa mengira pangkat dan jawatan agar semangat kekeluargaan serta perpaduan sentiasa terpelihara.

Beliau berkata, sambutan itu membuka ruang cukup baik untuk saling melupakan perselisihan dan persengketaan, sekali gus mengukuhkan kerjasama sesama mereka.

"Gunakanlah peluang sempena hari dan bulan baik ini untuk memperkakan ikatan muhibah seluruh rakyat pelbagai agama serta bangsa," katanya.

Ubati kerinduan

Sambil menyeru agar sikap hormat-menghormati juga diterjemahkan ke dalam konteks budaya kerja di UNIMAS, Prof Mohamad Kadim berharap sambutan itu diraikan



Abdul Taib (tengah) bersama-sama Raghad (tiga dari kanan) melepaskan belon sebagai simbolik perasmian Majlis Ngabang Raya UNIMAS 2016.

dengan penuh kesyukuran dan rendah diri.

"Janganlah kita ter-lalu leka sehingga terlupa kepada yang memerlukan. Doakan kesejahteraan mereka atau bantulah

dengan kudrat termampu tidak kira dalam bentuk fizikal mahupun moral.

"Saya berharap tema majlis sambutan tahun ini dapat mengubati sedikit kerinduan kepada

keluarga yang jauh di mata," katanya.

Majlis dimeriahkan dengan pelbagai acara, termasuk pertandingan karaoke serta kediaman tercantik dan bersih.